

**Badan anjur
28 JAN 1983
kursus haji**

PERSATUAN Islam dan Pencaksilat Singapura (Perpensil) akan mengadakan kursus haji pada setiap Jumaat mulai 28 Januari ini di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, Ipoh Lane.

Kursus itu akan dipimpin oleh Ustaz Haji Mohd Taha Suhaimi mulai 9.00 malam. Semua kaum muslimin dipersilakan hadir mengikuti kursus tersebut.

Piala Sidek akan jadi rebutan

PERENCAKAN SILAT
28 FEB 1983

PIALA Sidek Saniff akan menjadi rebutan para pesilat dalam kejohanan silat antara balai-balai rakyat tahun ini.

Ini merupakan julung-julung kalinya kejohanan besar-besaran seperti itu dianjurkan oleh Persatuan Rakyat (PA) dengan kerjasama Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Tahun lalu kejohanan antara balai-balai rakyat dikhususkan kepada silat gayung saja dan dianjurkan oleh PA dengan kerjasama Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian Singapura (Pasak).

Kejohanan tahun ini akan diadakan di Kompleks Sukan Delta. Pembukaannya akan dirasmikan pada 30 April sementara peringkat akhir dan penutup pada 1 Mei.

Satu kenyataan PA semalam menyatakan bahawa kejohanan itu bertujuan untuk menggalakkan dan mengenalkan silat menerusi pertandingan.

Persefahaman

Ia juga bertujuan untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama antara kumpulan-kumpulan silat dari beberapa buah balai rakyat dan menyediakan peluang bagi para pesilat bertanding dalam semangat kesukanan.

Kejohanan itu akan dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu kanak-kanak perempuan (berusia 14 hingga 18 tahun); wanita (berusia 18 tahun ke atas); kanak-kanak lelaki (berusia 14 hingga 18 tahun) dan remaja (ke atas 18 tahun).

Semua pesilat yang mempunyai lesen Unit Kawalan Seni Bela Diri dan warga Singapura atau penduduk tetap yang menjadi anggota kelab silat balai-balai rakyat boleh menyertai kejohanan itu.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari semua balai rakyat atau di Ibu pejabat PA, Kallang Road. Tarikh penutup ialah 12 Mac.

Sambutan menggalakkan utk kejohanan silat PA

Perencakan Silat
KEJOHANAN silat antara balai rakyat bagi merebut Piala Sidek Saniff telah menerima sambutan yang sungguh menggalakkan dari para pesilat tempatan.
29 MAR 1983

Menurut seorang jurucakap Persatuan Rakyat (PA) yang menganjurkan kejohanan tersebut, seramai 130 orang telah mendaftarkan diri untuk menyertai kejohanan yang julung-julung kali diadakan oleh PA.

"Pada awalnya kami menjangkakan tidak lebih dari 100 orang yang akan menyertai kejohanan ini. Kerana itu, kami sangat berpuas hati dengan sambutan dari para pesilat itu," kata jurucakap itu.

Menurut beliau, semua peserta yang telah mendaftarkan diri telah menjalani ujian kecekapan jasmani yang diadakan di Ibu pejabat PA di Kallang, pada Sabtu dan Ahad lalu.

Ujian tersebut adalah untuk memastikan hanya para peserta yang sihat dan cekap dari segi jasmani yang akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan itu.

Kejohanan silat itu akan dibahagikan

kepada empat bahagian iaitu kanak-kanak perempuan (antara 14 dengan 18 tahun); wanita (18 tahun ke atas); kanak-kanak lelaki (14 hingga 18 tahun) dan lelaki (18 tahun ke atas).

Kejohanan tersebut akan diadakan pada 30 April dan 1 Mei di Kompleks Sukan Delta.

Jurucakap PA itu selanjutnya mengatakan bahawa kejohanan tersebut diadakan untuk menggalakkan hubungan yang lebih rapat antara kumpulan-kumpulan belia di berbagai balai rakyat di sini.

Selain dari kejohanan silat, PA juga merancang menganjurkan kejohanan sepaktakraw antara balai rakyat.

Kejohanan sepaktakraw itu, kata beliau, mungkin akan dijalankan pada pertandingan atau penghujung tahun ini.

"Selain dari itu kami juga sedang merancang untuk mengadakan lebih banyak kejohanan-kejohanan lain antara balai-balai rakyat.

Seberapa boleh, kami akan cuba menganjurkan kejohanan-kejohanan yang sekarang dianjurkan di peringkat kawasan ke peringkat balai-balai rakyat pula," katanya lagi.